



Guan Eng

KUALA LUMPUR - Kerajaan tidak tergesa-gesa untuk melaksanakan levi pelepasan kerana ia memerlukan beberapa bulan lagi untuk merumuskan formulanya, kata Menteri Kewangan Lim Guan Eng.

Sebaliknya, ia akan menumpukan untuk menempatkan infrastruktur yang betul dan membuat keputusan muktamad mengenai kadar cukai itu, katanya.

"Ia mungkin mengambil masa sebelum kami mengumumkan kadarnya -- mungkin selepas musim haji tahun ini. Lagipun, umat Islam yang mengerjakan umrah atau haji buat pertama kalinya akan dikecualikan daripada levi itu," katanya selepas menghadiri majlis Anugerah PKS 2018 anjuran Credit Guarantee Corporation Malaysia Bhd di sini, hari ini.

Beliau berkata penganut agama lain yang ke luar negara buat pertama kalinya bagi tujuan keagamaan juga akan dikecualikan daripada cukai itu.

Dilaporkan rakyat Malaysia yang mahu ke luar negara akan dikenakan bayaran apabila Rang Undang-Undang Pelepasan Levi 2019 diluluskan di Parlimen.

Rang undang-undang itu dibentangkan di Dewan Rakyat oleh Timbalan Menteri Kewangan Datuk Amiruddin Hamzah untuk bacaan pertama semalam.

Amaun levi yang dicadangkan itu, bagaimanapun, tidak dinyatakan dalam rang undang-undang itu.

Semasa membentangkan Bajet 2019, Guan Eng telah mencadangkan levi pelepasan dikenakan mulai 1 Jun, 2019, pada kadar RM20 seorang jika menuju ke negara ASEAN dan RM40 ke negara lain.

Ditanya mengenai Kertas Putih Felda, yang akan dibentangkan di Dewan Rakyat esok oleh Menteri Hal Ehwal Ekonomi Datuk Seri Azmin Ali, Guan Eng berkata beliau akan menyerahkan kepada menteri untuk membuat pengumuman terlebih dahulu.

"Tetapi sebagai kerajaan, kami perlu menyokong Felda dan Tabung Haji, (berhubung) mengenai kerajaan sebelum ini telah melakukan semua kesilapan yang menyebabkan (kedua-dua institusi mengalami) kerugian besar seumpama itu," katanya.

Kertas Putih itu akan mencadangkan model perniagaan baharu bagi pengurusan ladang Felda dan memaklumkan tentang tindakan amalan salah di masa lepas.- Bernama.

.....